

PM yakin dapat sokongan dua pertiga Ahli Parlimen

BH - 18/12/2022 v1/s:3

PM dakwa sudah dapat komitmen ketua parti politik menjelang sidang khas Dewan Rakyat

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin akan memperoleh sokongan dua pertiga daripada Ahli Parlimen pada usul undi percaya dalam sidang khas Dewan Rakyat, yang akan berlangsung 19 November ini.

Perdana Menteri berkata, beliau sudah mendapat komitmen daripada ketua parti politik yang menyokongnya ketika ini, menjelang sidang khas berkenaan selepas beliau sendiri yang mencadangkan usul berkenaan sebelum ini.

“Ketua parti, Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS), WARISAN dan beberapa parti lain



Keratan akhbar BH, kelmarin.

sudah memberi komitmen dan Insyallah kita dapat teruskan dengan baik.

“Saya minta saudara doakan sebaiknya,” katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet, di sini, semalam.

Sebelum ini, Anwar dilaporkan berkata, usul undi percaya bagi membuktikan keabsahannya sebagai Perdana Menteri ke-10, akan tetap dibentangkan pada persidangan Dewan Rakyat, 19 Disember ini.

Beliau yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) menegaskan, langkah itu penting bagi membuktikan keabsahan beliau dari segi persepsi politik, selain penafsiran dalam Perlembagaan Persekutuan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, dilaporkan berkata, keputusan Anwar untuk mengadakan usul undi percaya terhadapnya itu adalah hak prerogatifnya sebagai Ketua Majlis.

Utamakan ketelusan

Jelasnya, berdasarkan sistem Westminster, sesiapa sahaja boleh mengusulkan undi percaya pada bila-bila masa.

“Untuk seorang Perdana Menteri mengadakan usul terbabit

biarpun beliau sudah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong, selain sokongan gabungan besar, kita perlu menghormati keputusannya.

“Bagi saya, Perdana Menteri adalah seorang yang berani kerana beliau mahu Ahli Parlimen menunjukkan sokongan mereka kepada dirinya,” katanya.

Katanya, langkah mengadakan usul undi percaya dilihat sebagai usaha Perdana Menteri mengentengahkan Kerajaan Perpaduan, yang mengutamakan ketelusan dan akauntabiliti.

“Untuk seorang Perdana Menteri mengadakan usul terbabit biarpun beliau sudah mendapat perkenan daripada Yang di-Pertuan Agong, selain sokongan gabungan besar, kita perlu menghormati keputusannya”



Azalina Othman Said,
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Reformasi Institusi)